Nama : Tarikh : _____

Tajuk : **Penanda Wacana**

Pilih **PENANDA WACANA** yang paling sesuai.

1) Alia mendapati dompetnya hilang. _____ dompetnya tercicir atau tersalah letak. (Justeru , Mungkin, Akhirnya , Kemudian)

2) Setelah ditanya oleh ayah, _____ abang mengaku menumbuk Alif Haikal. (lagipun , mungkin , akhirnya , kemudian)

3) Nurul Aina tidak hadir ke sekolah pada hari ini. _____ dia sakit gigi. (Lagipun , Mungkin , Akhirnya , Kemudian)

4) Lapan orang peserta menarik diri. _____, program lawatan itu terpaksa dibatalkan. (Jadi , Justeru , Mungkin , Sebaliknya)

5) Dato' Mustafa menyampaikan ucapan. _____, beliau merasmikan laman web syarikat itu. (Namun , Mungkin , Meskipun , Seterusnya)

6) Jamil belum menghantar borang penyertaan pertandingan mengarang _____ tarikh tutup semakin hampir. (justeru , lagipun , namun , walhal)

7) _____ membeli kereta, memiliki basikal _____ dia tidak mampu. (Baik ...pun , Jangankan...pun , Walaupun...bahkan , Walaupun...namun)

8) Azah kelihatan mengantuk lagi. _____ dia menolong ibunya di warung sehingga lewat malam. (Kemudian , Namun , Mungkin , Selain itu)

9) Mula-mula basuh beras itu bersih-bersih. _____ sukat air secukupnya. (Namun , Oleh itu , Kemudian , Dengan demikian)

10) Rohaya seorang murid yang rajin dan berdisiplin. _____ dia sentiasa mendapat pujian daripada guru-gurunya. (Selain itu , Oleh sebab itu , Namun demikian , Biarpun demikian)

11) Cikgu Salman selalu memarahi murid-muridnya. _____ , murid-murid

LIVEWORKSHEETS

menghormatinya kerana beliau seorang guru yang berdedikasi. (Selain itu , Namun begitu , Oleh sebab itu , Lebih-lebih lagi)

12) Sejak kecil lagi Pak Udin memang gerun ke laut, _____ pada usianya yang semakin lanjut ini. (walaupun begitu , namun demikian , lebih-lebih lagi , selepas itu)

13) Kerajaan terpaksa menangguhkan banyak projek kerana kegawatan ekonomi. _____, program membantu rakyat miskin tetap dilaksanakan. (Selain itu , Lebih-lebih lagi , Walaupun demikian , Oleh sebab itu)

14) Berita yang disampaikannya sungguh mengejutkan saya. _____, saya mencuba sedaya upaya unuk bertenang. (Namun demikian , Selepas itu , Oleh itu , Justeru)

15) Pelajar yang bermasalah itu diminta menceritakan hal yang sebenarnya. _____, diberi nasihat. (Mungkin , Selain itu , Selepas itu , Lebih-lebih lagi)

16) Kami membawa murid-murid melawat ke Muzium Brunei untuk melihat kesan peninggalan sejarah . _____, kami bercadang akan berkelah di Pantai Muara. (Selain itu , Lebih-lebih lagi , Biarpun demikian , Namun demikian)

17) Kehidupan Mak Kiah diibaratkan bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. _____, semangatnya masih kukuh untuk membesarkan anakanaknya. (Biarpun demikian , Lebih-lebih lagi , Oleh itu , Mungkin)

18) Simpan semua buku sekarang, _____ kita akan mengadakan kuiz teka silang kata. (kemudian , akan tetapi , selanjutnya , namun begitu)

19) Pergi mandi dahulu. _____ bersedia untuk ke kelas piano. (Selepas itu , Namun begitu , Oleh sebab itu , Tambahan pula)

20) Orang ramai merungut kerana harga barang semakin naik. _____, harga barangan keperluan. (Tambahan pula , Oleh sebab itu , Namun begitu , Lebih-lebih lagi)

LIVEWORKSHEETS